

Istiadat Konvokesyen disempurnakan Tunku Mahkota Ismail selaku Pro Canselor

4,870 graduan UTHM tamat pengajian

Oleh ADNAN IBRAHIM

BATU PAHAT – Seramai 4,870 graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima ijazah masing-masing bersempena Istiadat Konvokesyen ke-24 bermula semalam hingga 12 Disember.

Sidang pertama Istiadat Konvokesyen disempurnakan oleh Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail yang merupakan Canselor UTHM, manakala sidang kedua akan disempurnakan Pro-Canselor UTHM, Tan Sri Azmi Rohani hari ini.

Pada istiadat kali ini, 123 orang menerima Ijazah Doktor Falsafah, 329 orang menerima Sarjana, Sarjana Muda (3,392) dan 926 lagi menerima Diploma.

Tuanku Canselor turut berkenan menyampaikan anugerah gelaran Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Ahmad Tarmizi Abd Karim pada sidang pertama bagi menghargai penglibatan dan sumbangan beliau dalam dunia



TUNKU MAHKOTA ISMAIL (kiri) berkenan menyampaikan anugerah Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Ahmad Tarmizi bersempena Istiadat Konvokesyen UTHM ke-24 di Batu Pahat semalam.

pendidikan tinggi, industri, komuniti dan kepimpinan.

Dalam pada itu, Anugerah DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi), Nur Syafiqah Husna Zainul Arshad dan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Chris Ng.

Penerima Anugerah Sultan Ibrahim pula dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Dengan Keupujian, Fadlin Afina Suhaimi.

Turut disampaikan adalah Anugerah Canselor, Anugerah Tan Sri Aishah Ghani, Anugerah Akademik Yayasan UTHM, Anugerah UTHM Holdings, Anugerah Projek Sarjana Muda Terbaik, Anugerah Khas Alumni UTHM, Anugerah Kecemerlangan Lembaga Jurutera Malaysia, Anugerah Wakaf & Endowmen, Anugerah Tesis Terbaik (Ijazah Kedoktoran) dan Anugerah Tesis Terbaik (Sarjana Penyelidikan).